

Kita telah masuk suku tahun kedua 2002.

Selain dari memberikan tumpuan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan yang telah diamanahkan, termasuk di masa kecemasan seperti banjir, pejabat-pejabat Wilayah dan Kawasan Roadcare terus rancang mengadakan berbagai kegiatan yang boleh menghidupkan syarikat di peringkat akar-umbi.

Dari majlis sambutan Hari Raya ke sambutan Hari Jadi, pengurusan dan kakitangan Roadcare sentiasa berpeluang berinteraksi sambil mengeratkan lagi hubungan serta ikatan silaturrahiim sesama mereka...

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA 1421H

Selangor

Satu Majlis Jamuan Hari Raya 1421 Hijrah telah diadakan di perkarangan pejabat Wilayah Selangor pada 12hb Januari 2002. Antara 200-250 orang telah hadir ke majlis tersebut yang turut diserikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Urusan Roadcare, YBhg Dato' Hasnur Rabiain Ismail dan Datin Kamisah Abd Samad. Tidak ketinggalan ialah wakil-wakil dari JKR, Ir Lai Khin Onn (UPPJ Selangor) dan Ir Tan On Chin, Jurutera Daerah Sepang, Pegawai dan kakitangan Roadcare HQ dan Rawang turut hadir sama. Selain dari menikmati juadah yang sungguh enak, kanak-kanak yang hadir pulang dengan poket berisi setelah menerima Duit Raya masing-masing! **SR**

